

12/07/2003

Tiada bayangan Dr M ubah fikiran

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (gambar) berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah bertekad dengan keputusan persaraannya Oktober depan dan tidak ada sebarang bayangan yang ditunjukkan untuk mengubah fikirannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir telah menyatakan komitmennya (untuk bersara) kepada rakyat Malaysia dan di merata tempat lain termasuk Jepun.

"Saya tidak pernah berbincang denganya sebelum ini, baik mengenai keputusan persaraan Dr Mahathir atau pilihannya untuk menggantikan beliau.

"Beliau sudah membuat keputusan dan memilih penggantinya. Saya menerima (tanggungjawab ini). Buat masa ini, tidak nampak sebarang bayangan yang beliau akan mengubah fikiran," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya wartawan daripada Nikkei, akhbar tempatan di sini, dalam satu sesi dialog bersama media Jepun di Japan National Press Club, di sini.

Wartawan berkenaan bertanya sama ada Dr Mahathir akan mengubah fikirannya mengenai keputusan persaraan beliau daripada semua jawatan dalam kerajaan dan Umno.

Sesi dialog itu dihadiri kira-kira 100 wakil media tempatan Jepun, di samping delegasi Abdullah dalam rangka lawatan rasminya selama tiga hari mulai kelmarin, di sini.

Abdullah yang turut ditanya mengenai pendirian dan dasar Malaysia dengan Amerika Syarikat berkata, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang baik dengan Amerika terutama dalam kerjasama perdagangan.

"Kami bukan anti-Amerika. Kami menjalin hubungan yang baik dalam banyak bidang dan Malaysia juga bekerjasama dalam membantu menangani keganasan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perbezaan pendapat dengan Amerika terutama berkaitan Iraq, adalah kerana Malaysia tidak menyokong tindakan unilateral pentadbiran Presiden George W Bush.

Malah, katanya, pencerobohan ke atas Iraq juga adalah sesuatu yang melanggar undang-undang antarabangsa dan kerana itu, Malaysia tidak menyokong serangan pencerobohan itu.

"Saya tidak ada masalah dengan mereka (Amerika), cuma jika ada perkara yang bertentangan dengan dasar dan kepentingan negara, kami akan tetap suarakan," katanya.

Mengenai kuota bagi Bumiputera, Abdullah berkata, polisi itu tidak mendiskriminasi kaum lain tetapi bertujuan menyamakan taraf pendapatan Bumiputera dengan kaum lain.

Beliau berkata, kerajaan hanya menimbang sama ada akan mengkaji semula polisi berkenaan sehingga Bumiputera sudah bersedia (sama taraf dengan kaum lain).

Abdullah yang ditanya mengenai pendirian Malaysia berkaitan konflik di Myanmar, berkata Malaysia bersama dengan negara Asean lain ingin melihat konflik di negara itu selesai.

"Sememangnya kita ingin melihat situasi di sana dapat dipulihkan dan (Ketua Pembangkang) Aung San Syu Kyi dibebaskan," katanya.

Menjawab soalan mengenai kedatangan rakyat Malaysia ke Jepun yang dianggap jauh berkurangan daripada rakyat Jepun ke negara, beliau dengan seloroh berkata:

"Jepun terlalu mahal untuk Malaysia. Untuk mendapat sehiris tembikai di

sini, harganya sepuluh kali ganda lebih mahal dari Malaysia. Saya tidak dapat lihat sebab lain. Itu sahaja sebabnya."